

TARIKH: 29/8/23  
SURAT KHABAR: Sinar Harian (Negeri).  
MUKA SURAT: 27

SINAR HARIAN • SELASA 29 OGOS 2023

KEDAH

# Bakti hingga akhir hayat

Waris Allahyarham Hafiz  
terima pencen Perkeso  
RM1,894.75

Oleh **NURUL HIDAYAH HAMID**  
**SUNGAI PETANI**

**A**llahyarham Muhamad Hafiz Muhamad Saleh, 32, terus menabur bakti kepada keluarganya walaupun telah pergi menghadap Ilahi dalam nahas pesawat terhempas di Elmina, Shah Alam pada 17 Ogos lepas.

Bapanya, Muhamad Saleh Othman, 57, berkata, anak sulung daripada lima adik beradik itu sememangnya seorang yang mengutamakan keluarga.

Malah dia turut mengangap, arwah anaknya itu masih terus menunaikan tanggungjawab apabila dia dan isterinya menerima dua faedah bulanan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

"Arwah memang macam ini dan sebab tu dia sampai umur 32 tahun dia tidak kahwin sebab sifat dia bertanggungjawab.

"Dia utamakan keluarga. Itu sifat dia. Apa dia buat menjadi contoh kepada adik-adiknya," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Faedah Perkeso bersama Skuad Perkeso Prihatin di Taman Sidam Kiri, di sini pada Isnin.

Menurutnya, mereka sekeluarga reda dengan ketentuan Ilahi meskipun hati masih agak berat untuk melepaskan pemergian Muhamad Hafiz.

"Memang terasa sangat. Jarak seminggu ini kurang sikitlah tapi mungkin makan masa untuk melepaskan arwah," kata lelaki itu.

Menurutnya, kehilangan arwah



**Dr Mohammed Azman (kanan) menyerahkan kotak Prihatin Perkeso kepada Muhamad Saleh (dua dari kanan) ketika bertemu waris Allahyarham Muhamad Hafiz di Taman Sidam Kiri pada Isnin.**

anak terubat sedikit dengan dua cucu yang bakal dilahirkan oleh adik dan adik ipar arwah pada Oktober dan November nanti.

"ALLAH SWT ganti dua cucu yang akan jadi pengubat rindu kepada arwah anak," kata Muhamad Saleh.

Dalam pada itu, dia bercadang menggunakan wang yang diterima untuk mengadakan majlis tahlil, selain melunaskan hutang tertunggak.

Menurut Muhamad Saleh, dia turut berterima kasih kepada semua pihak terlibat termasuk Perkeso yang membantu keluarganya.

Bagi adik arwah Muhamad Hafiz iaitu Norhikmah, 26, pula berkata, abang sulungnya itu merupakan seorang yang tegas namun amat rapat dengan mereka termasuk dirinya.

Katanya, disebabkan itu, mereka sentiasa menghormati, mendengar kata dan menjadikan abang sulungnya sebagai tempat rujukan untuk sebarang tujuan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perkeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, waris Muhamad Hafiz akan menerima

bayaran pencen Perkeso sebanyak RM1,894.75 sebulan dan Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2,000.

Katanya, bayaran bermula dari tarikh kematian Muhamad Hafiz menerusi dua peruntukan akta perlindungan sosial.

Beliau berkata, Muhamad Hafiz memiliki rekod caruman menerusi Skim Keselamatan Sosial Pekerja ketika berkhidmat di syarikat logistik dengan caruman terakhir pada Jun 2021 dan di bawah Akta 4 pencarum layak menerima Pencen Penakat sebanyak RM778.75 sebulan.

Manakala rekod kedua mendapati arwah turut menyertai Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri yang merupakan inisiatif kerajaan melalui Akta 789 sejak 10 Mei 2021 dan melayakkannya menerima faedah RM1,116 sebulan.

Muhamad Hafiz merupakan salah seorang daripada 10 nyawa yang terkorban dalam insiden yang berlaku pada pukul 2.50 petang itu.

Arwah yang merupakan seorang penunggang p-hailing, melalui lebuhraya itu ketika pesawat itu terhempas.